

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.9 HINGGA NO. 77 )**

**( SOALAN NO.1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.76 )**

25 MAC 2015

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 8)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK KOH NAI KWONG**  
**[ALOR GAJAH]**  
**TARIKH** : **25 MAC 2015 [RABU]**  
**SOALAN** : **9**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan penjelasan terperinci tentang penggubalan kerangka kerja peraturan atau akta baru bagi mengawal selia penggunaan tenaga nuklear.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan Malaysia melalui *Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC)* sedang melaksanakan tindakan pengukuhan dan pembangunan kerangka perundangan tenaga atom kebangsaan bagi pengawalseliaan aktiviti tenaga atom yang lebih komprehensif dan efisien. Suatu draf Rang Undang-Undang (RUU) telah disediakan bagi menggantikan akta yang sedang berkuatkuasa iaitu Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Draf RUU ini berdasarkan kepada *Comprehensive Nuclear Law* yang meliputi aspek 3S iaitu *Safety, Security* dan *Safeguards*. Di samping itu, sebanyak sepuluh (10) draf **Peraturan**, satu (1) draf

**Keperluan Kawalselia** dan sembilan (9) draf **Panduan** juga telah dibangunkan di bawah draf RUU tersebut.

Draf RUU ini sedang diteliti oleh Jabatan Peguam Negara (AGC).

Sekian, terima kasih.